

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 JUNE 2016


PRK, MESEJ BUAT MAHATHIR, PAS DAN PAN

DALAM siri kempenya membantu calon PAN dalam PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar, mantan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad mahu kedua-dua pilihan raya itu dijadikan referendum menolak Perdana Menteri, Najib Tun Razak. Di sebalik serangan beliau, DAP dan PAN terhadap Najib, keputusan PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar membuktikan sebaliknya. Syukur, BN bukan sahaja mempertahankan kerusi malah memperoleh majoriti besar terutama PRK Kuala Kangsar, yang disifatkan satu kejutan oleh banyak pihak.

Keputusan tersebut adalah sangat manis dan besar maknanya selepas kejayaan cemerlang BN dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak. Perkembangan ini memberi mesej yang jelas bahawa gerakan menjatuhkan Najib di luar proses demokrasi yang

diketahui oleh Dr. Mahathir hanya sia-sia. Malah ia adalah isyarat majoriti rakyat menolak Dr. Mahathir, sebagaimana gagalnya Deklarasi Rakyat. Itulah realitinya walaupun mungkin pahit untuk diterima. Dr. Mahathir sepatutnya awal-awal lagi boleh membaca dan mentafsir semua ini. Tetapi belum terlewat untuk merenungi diri.

Sebagaimana dua tulisan Awang sebelum ini, BN tidak menghadapi masalah untuk menang dalam PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar. Kejayaan tersebut disumbangkan oleh banyak faktor termasuk peranan Najib Tun Razak dan timbalannya, Ahmad Zahid Hamidi. Tetapi Awang turut teruja dengan kematangan kempen yang diperlihatkan oleh BN dan

UM - 19/6/2016
 **Penghargaan lebih istimewa Awang beri kepada para pengundi Sungai Besar dan Kuala Kangsar. Merekalah pemenang sebenar kerana telah membuat keputusan terbaik...**

Pas. Jelas, kedua-dua parti mengambil pendekatan harmoni, lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan.

Ini berbeza dengan kempen PAN dan sekutunya DAP yang suka melakukan provokatif dan agak ekstrem. Maka Awang mahu dedikasi penghargaan kepada Pas, yang sebenarnya turut meraih kemenangan moral. Apatah lagi Pas memperolehi undi

lebih besar berbanding

PAN yang menerima sokongan padu DAP. Daripada awal lagi pemimpin Pas menyatakan tidak kisah jika BN menang mempertahankan kerusinya asalkan bukan PAN.

PRK kali ini menyaksikan Pakatan Harapan bergolak dengan para pemimpin utama PKR tidak bersungguh-sungguh menyokong PAN. Faktor penonjolan Dr. Mahathir menjadi punca Anwar Ibrahim dan Dr. Wan Azizah Wan Ismail dingin. Penghargaan lebih istimewa Awang beri kepada para pengundi Sungai Besar dan Kuala Kangsar. Merekalah pemenang sebenar kerana telah membuat keputusan terbaik dengan tidak dibuai sentimen kebencian. Tahniat.

